

NO. SOALAN: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD

[PARIT SULONG – BN UMNO]

SOALAN : 52

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha-usaha pihak Kementerian dalam memastikan keselamatan ruang liputan jaringan internet di Malaysia sentiasa selamat dan terkawal supaya dapat mengelakkan godaman dari luar seperti 'ransomware' baru-baru ini dan apakah status kerjasama pihak Kementerian dengan pihak-pihak lain dalam menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Sistem komputer dan internet kini dibangunkan berlandaskan kepada rangkaian komunikasi global yang kompleks dan sukar untuk dikawal sepenuhnya. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dan perlindungan kepada agensi-agensi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (Critical National Information Infrastructure – CNII) daripada ancaman dan serangan siber melalui inisiatif di bawah Dasar Keselamatan Siber Negara (National Cyber Security Policy – NCSP) dan Pelan Pengurusan Keselamatan Siber Negara (National Cyber Crisis Management Plan – NCCMP).

Inisiatif-inisiatif ini dirangka dan dilaksanakan berdasarkan kepada satu tadbir urus pengurusan keselamatan siber yang dibangunkan menggunakan pendekatan kerjasama rapat antara pihak kerajaan dan sektor swasta (*public – private partnership*). Kerjasama ini tidak hanya tertumpu kepada agensi-agensi yang mempunyai sistem dan infrastruktur kritikal malahan turut merangkumi pembekal perkhidmatan internet, aplikasi dan mudah alih. Majlis Keselamatan Negara (MKN) menggunakan tadbir urus ini untuk memperkuuh dan memperluaskan kerjasama dengan setiap entiti yang terlibat dalam pengurusan keselamatan siber.

Sekian, terima kasih.